

06/04/2000

Hijrah mengajar umat Islam berusaha

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam di negara ini menghayati erti sebenar Hijrah Rasulullah dengan berusaha memperbaiki nasib diri dan rakan seagama di seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata, penghijrahan merupakan kesanggupan membuat perubahan dalam kehidupan untuk mengatasi masalah dan mencari kejayaan bagi sesuatu usaha di dunia.

Pada masa yang sama, katanya, Hijrah juga mengajar umat Islam supaya mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan untuk membina kekuatan dan seterusnya menjayakan ummah.

Dalam perutusan sempena sambutan Maal Hijrah esok, beliau berkata Nabi Muhammad menunjukkan contoh terbaik kepada umat Islam melalui peristiwa Hijrah dari Makkah ke Madinah.

Walaupun Nabi Muhammad seorang Rasul pilihan dan boleh berdoa kepada Allah untuk mengembangkan Islam di Makkah tanpa sebarang masalah, baginda tidak berbuat demikian sebaliknya berhijrah ke Madinah.

"Peristiwa Hijrah membuktikan dengan jelas bahawa Nabi juga tidak boleh hanya berdoa dan meminta saja dari Tuhan. Nabi juga perlu membuat tindakan tertentu untuk menyelamatkan umat Islam dan menjayakan perkembangan ajaran Islam.

"Jika Rasulullah sendiri terpaksa berbuat sesuatu, apatah lagi penganut biasa agama Islam. Tentulah kita perlu berusaha dengan lebih kuat.

"Jika Nabi sanggup menghadapi cabaran dan bahaya besar kerana melintasi padang pasir yang luas dengan dikejar musuh Islam, apakah kita orang Islam harus semata-mata berdoa, membuat ibadat untuk akhirat dengan tidak berusaha untuk memperbaiki nasib kita di dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, kejayaan Nabi memupuk persaudaraan antara kaum Muhajirin dengan Ansar menerusi ajaran Islam menjadikan mereka umat kuat dan mampu mempertahankan diri daripada kaum Musyrikin yang lebih ramai.

Apabila Arab Jahiliah, yang terbahagi kepada banyak suku kaum dan sering berperang menerima Islam dan persaudaraan dalam Islam, mereka muncul sebagai ummah yang bukan saja dapat mendirikan empayar besar tetapi juga mengembangkan Islam dengan berkesan.

"Sebaliknya apabila mereka lupa kepada persaudaraan dalam Islam dan kembali berperang sesama sendiri maka empayar mereka pun hancur, dan negara Islam yang menjelma daripada perpecahan ini menjadi negara kecil, lemah dan mudah ditindas musuh.

"Mereka amat gemar menuduh bahawa perpecahan mereka dirancang serta diusahakan musuh Islam tetapi langsung tidak berusaha menolak hasutan itu," katanya.

Perdana Menteri kesal kerana apabila saja orang Islam mendakwa mereka berjuang untuk agama, maka orang Islam lain akan menjadi mangsa mereka serta menyebabkan perpecahan.

"Sebenarnya mereka suka bermusuhan sesama sendiri, bahkan memihak kepada musuh Islam supaya dapat bermusuhan dengan orang Islam lain. Sebab itu kebanyakan daripada mangsa yang terkorban kerana keganasan orang Islam adalah orang Islam juga," katanya.

Dr Mahathir berkata, orang Islam kini menghadapi begitu banyak masalah dan menjadi masyarakat yang tidak maju, lemah, kurang berpengetahuan, berpecah belah dan sering diperalat musuh Islam.

Katanya, jika benar umat Islam menerima penghijrahan Nabi sebagai sunnah maka tentulah mereka tidak hanya meminta-minta daripada Allah untuk

mengembalikan kegemilangan Islam.

"Allah tidak akan mengubah nasib kita jika kita tidak berusaha mengubah nasib diri kita sendiri," katanya.

(END)